

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERASASKAN FIQH BUDAYA SEBAGAI WASILAH DAKWAH KONTEMPORARI: KAJIAN PROGRAM DESTINI IQRA' DI KOA AYER DENAK

INTEGRATING CULTURAL FIQH IN CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) FOR CONTEMPORARY DA'WAH: A CASE STUDY OF THE DESTINI IQRA' PROGRAM AMONG THE ORANG ASLI OF KOA AYER DENAK

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh¹

Abd. Nasir Musa^{2*}

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

Ideris Isahak⁴

Paiz Hassan⁵

Ahmad Bakhtiar Jelani⁶

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: abdna208@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(Email: mohd560@uitm.edu.my)

⁴Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.; Islamic Affairs Officer, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

(Email: iderisukmjaipk@gmail.com)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(Email: paiz4186@uitm.edu.my).

⁶Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Yusof @ Salleh, M. Y., Musa, A. N., Zainal Abidin, M. Z. H., Isahak, I., Hassan, P., & Jelani, A. B. (2025). Tanggungjawab sosial korporat (CSR) berasaskan fiqh budaya sebagai wasilah dakwah kontemporari: Kajian program Destini Iqra' di Koa Ayer Denak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 713 - 722.

Abstrak: Kajian ini meneliti integrasi fiqh budaya dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai satu wasilah dakwah Islam yang bersifat kontekstual dan kontemporari. Fokus kajian diberikan kepada Program Destini Iqra' yang dijalankan di Kampung Orang Asli Semai, Ayer Denak, Batu Gajah, Perak. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan melibatkan analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan prinsip fiqh budaya seperti pendekatan bertahap (tadarruj), kepekaan terhadap adat setempat, dan penglibatan aktif komuniti berjaya meningkatkan keberkesanan program CSR serta memperkukuh usaha dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kajian ini membuktikan bahawa CSR yang berasaskan fiqh budaya bukan sekadar alat pembangunan sosial, malah mampu menjadi platform dakwah Islam yang mesra budaya dan inklusif, khususnya dalam komuniti minoriti yang berbilang latar tradisi dan kefahaman agama.

Kata kunci: Fiqh Budaya, CSR, Dakwah, Orang Asli, Destini Iqra', Komuniti Pribumi, Tadarruj

Abstract: This study explores the integration of fiqh al-thaqafah (cultural fiqh) into corporate social responsibility (CSR) initiatives as a contemporary medium of Islamic da'wah. Focusing on the Destini Iqra' program implemented in the Orang Asli Semai village of Kampung Ayer Denak, Batu Gajah, Perak, the research examines how culturally-informed fiqh principles enhance both the acceptance and effectiveness of CSR in indigenous contexts. Employing a qualitative case study approach, data were collected through document analysis, semi-structured interviews and field observations. The findings reveal that aligning CSR with local customs within the bounds of Islamic legal principles not only facilitates greater community engagement but also strengthens da'wah efforts in culturally pluralistic environments. The study highlights key elements such as gradualism (tadarruj), cultural sensitivity, and active community participation as essential components of a culturally grounded CSR model. Ultimately, this approach positions CSR not merely as a tool for social welfare, but as a dynamic platform for contextualised Islamic outreach among marginalised communities.

Keywords: Cultural Fiqh, CSR, Da'wah, Orang Asli, Destini Iqra', Indigenous Communities, Tadarruj

Introduction

Dalam landskap pembangunan komuniti masa kini, pendekatan dakwah Islam tidak lagi boleh bersifat monolitik dan berpusatkan satu bentuk penyampaian semata-mata. Sebaliknya, keberkesanan dakwah menuntut adaptasi terhadap realiti sosial dan budaya tempatan. Salah satu pendekatan yang semakin diberi perhatian dalam konteks ini ialah pengaplikasian tanggungjawab sosial korporat (CSR) berteraskan fiqh budaya sebagai wasilah dakwah yang reflektif, relevan dan berimpak tinggi. Fiqh budaya merujuk kepada integrasi prinsip-prinsip hukum Islam dengan unsur kebudayaan setempat secara bijaksana dan berhemah, tanpa menjejaskan keaslian syariat (Bakar, 2025). Program-program dakwah masyarakat orang asli giat dijalankan oleh JAKIM, Majlis Agama Negeri, Jabatan Agama Negeri dan badan bukan kerajaan NGO.

Kajian ini memberikan fokus terhadap Program Destini Iqra' iaitu sebuah inisiatif CSR yang dilaksanakan di Kampung Orang Asli Ayer Denak, Batu Gajah, Perak. Program ini digerakkan oleh sukarelawan akademik dan komuniti dengan matlamat membimbing masyarakat Orang

Asli Semai dari sudut kefahaman asas agama Islam melalui pendekatan yang bersifat inklusif dan mesra budaya. Memandangkan masyarakat Orang Asli mempunyai latar belakang adat, sistem kepercayaan dan struktur sosial yang unik, keberhasilan program dakwah dan CSR menuntut pendekatan fiqh yang mengambil kira prinsip *taysir* (kemudahan), *tadarruj* (berperingkat), dan *urf* (budaya setempat) sebagai asas perancangan. Dalam konteks ini, CSR tidak hanya dilihat sebagai instrumen kebajikan atau pemeraksanaan ekonomi bahkan menjadi medium strategik dakwah Islamiyah yang membentuk kefahaman agama dengan keperluan sebenar komuniti orang asli. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana prinsip fiqh budaya diterapkan secara praktikal dalam pelaksanaan CSR Destini Iqra' serta menilai kesan pendekatan ini terhadap penerimaan masyarakat dan keberkesanan dakwah dalam kalangan komuniti Orang Asli Semai (Paiz et. al, 2024) .

Pengertian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan konsep pembangunan yang menekankan peranan entiti korporat dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. CSR merangkumi pelbagai bentuk sumbangan dan intervensi sosial yang bertujuan memperkukuh kesejahteraan komuniti, memelihara alam sekitar, serta membangunkan hubungan sosial yang harmoni antara syarikat dan masyarakat. Dalam literatur pembangunan moden, CSR dilihat sebagai instrumen penting untuk mewujudkan kelestarian (*sustainability*), kebertanggungjawaban sosial (*social accountability*) dan perkongsian strategik antara sektor swasta dan komuniti (Tarigan et. Al., 2025). Dalam kerangka Islam, konsep CSR mempunyai asas yang kukuh melalui prinsip-prinsip syariah seperti keadilan sosial (*al-'adl*), *ihsan*, *maqasid al-shariah* dan tanggungjawab kolektif terhadap golongan yang memerlukan. Aktiviti seperti pemberian zakat, waqaf, sedekah dan khidmat masyarakat adalah antara bentuk CSR yang telah lama diamalkan dalam tradisi Islam. Walau bagaimanapun, dalam era kontemporari, pelaksanaan CSR dalam kerangka Islam menuntut pendekatan yang lebih kontekstual dan bersifat integratif khususnya dalam komuniti yang kompleks dan berbilang budaya (Tou et. Al, 2025).

Penerapan CSR dalam komuniti marginal seperti masyarakat Orang Asli di Malaysia memerlukan kefahaman mendalam terhadap kepelbagaian budaya, adat dan sistem nilai tempatan (Umma et. Al, 2025). Oleh itu, pendekatan yang berpaksikan fiqh budaya dilihat sebagai satu strategi penting untuk memastikan CSR bukan sahaja diterima secara sosial tetapi juga berfungsi sebagai medan dakwah yang berkesan dan bersifat holistik. Pendekatan ini membolehkan CSR berperanan sebagai jambatan antara nilai-nilai Islam dan realiti budaya setempat, tanpa menjejaskan prinsip-prinsip asas syariat. Seiring dengan keperluan ini, pelaksanaan CSR perlu diubah daripada model bantuan kepada pendekatan yang lebih menyeluruh. Ia perlu memperkasakan komuniti sasaran secara rohani, intelektual dan sosial serta menggalakkan penyertaan aktif dalam semua peringkat pelaksanaan. Dalam konteks inilah, kajian terhadap Program Destini Iqra' menjadi signifikan dalam menilai bagaimana pendekatan fiqh budaya dapat memperkukuh pelaksanaan CSR sebagai wahana dakwah Islam kontemporari yang berasaskan empati, keadilan dan keinsanan.

Komposisi Masyarakat Orang Asli di Negeri Perak

Negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli kedua teramai selepas Negeri Pahang, dengan populasi seramai 53,299 orang. Komposisi Orang Asli Muslim di Negeri Perak adalah seramai 13,097 orang, iaitu 24.57% daripada jumlah keseluruhan. Daripada 121 kampung Orang Asli di Perak, terdapat 61 kampung yang bilangan Muslimnya hanya sekitar 1-19% sahaja. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam Orang Asli

merupakan golongan minoriti di perkampungan mereka (Paiz, 2024). Hampir kesemua 18 suku Orang Asli boleh ditemui di Negeri Perak, dengan suku Semai dan Temiar merupakan suku yang teramai. Penempatan perkampungan Orang Asli di Negeri Perak tertumpu di kawasan Banjaran Titiwangsa, sama ada di kawasan tasik atau kawasan pedalaman. Pengurusan hal ehwal masyarakat Orang Asli yang beragama Islam terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan Mubaligh Agama. PMOA merupakan lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan ditempatkan di bahagian dakwah JAIPk, manakala Mubaligh Agama pula merupakan lantikan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Sehingga Januari 2022, bilangan mereka adalah seramai 56 orang, dengan taburan teramai di daerah Gerik, Sungai Siput, dan Tapah. Mereka ini bertanggungjawab terhadap setiap individu Muslim Orang Asli dari mula keislaman sehingga kematian (Paiz, 2024).

Lokasi Aktiviti Program Destini Iqra' Masyarakat Orang Asli Semai

Program dijalankan di lokasi di bawah:

Jadual 1: Data KOA Ayer Denak

Nama Kampung	Daerah	Parlimen	DUN	Bilangan Penduduk
Kampung Orang Asli Ayer Denak	Kinta	Kampar	Tualang Sekah	195

Sumber: data.gov.my (2024)

Latar Belakang Program Destini Iqra'

Program Destini Iqra' merupakan sebuah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) berasaskan keprihatinan sukarelawan akademik terhadap keperluan pendidikan agama dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai di Kampung Ayer Denak, Batu Gajah, Perak. Program ini mula digerakkan secara rasmi pada 10 April 2014 hasil permintaan pihak Sekolah Kebangsaan Ayer Denak, khususnya melalui Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Encik Mohd Hafiz bin Mohd Syukri yang menyuarakan kekurangan guru Pendidikan Islam dan keperluan sokongan dalam pengajaran asas agama. Menyedari keperluan ini, sekumpulan pensyarah dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak bersama beberapa guru dan aktivis pendidikan mengambil langkah proaktif menubuhkan program secara sukarela dan berterusan.

Pada peringkat awal, Destini Iqra' dilaksanakan secara mingguan di Surau al-Hidayah, KOA Ayer Denak. Aktiviti dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, diikuti dengan pengajaran Iqra', asas Fardu 'Ain dan bimbingan rohani kepada kanak-kanak serta dewasa. Keseluruhan pelaksanaan program ini dijalankan tanpa pembiayaan formal sebaliknya disokong melalui tabungan sukarelawan dan sumbangan peribadi. Dari semasa ke semasa, program ini berkembang dan menerima sokongan lebih luas termasuk daripada badan bukan kerajaan, pertubuhan kebajikan, syarikat korporat serta pihak akademik. Aktiviti utama yang dijalankan di bawah payung Destini Iqra' termasuklah kelas tambahan akademik seperti Bahasa Inggeris untuk pelajar UPSR, kem motivasi, program korban, ziarah pesakit, sumbangan pakaian dan makanan, baik pulih surau, serta bantuan awal persekolahan. Program ini juga memperlihatkan kerjasama strategik antara pelajar universiti, pensyarah, pemimpin komuniti serta masyarakat Orang Asli sendiri dalam memastikan kesinambungan dan keberkesanan jangka panjang.

Melihat kepada sifat program yang menekankan pendekatan berperingkat, bersifat mesra budaya dan berteraskan prinsip fiqh Islam, Destini Iqra' menjadi model penting bagaimana CSR dapat dijadikan medan dakwah yang efektif dalam komuniti yang memerlukan pendekatan khas. Justeru, latar belakang pelaksanaan program ini bukan sekadar mencerminkan keperluan pendidikan, tetapi juga manifestasi gagasan *fiqh budaya* dalam amalan lapangan yang nyata.

Sorotan Literatur

Jadual 1: Sorotan Literatur dan Jurang Kajian

Nama Pengarang, Tahun	Dapatan Kajian	Jurang Kajian
Sarmila, M.S. et al., 2015	Lima tema asas telah muncul daripada hasil kajian yang dirujuk sebagai hubungan dan kerjasama antara komuniti. Hubungan dan kerjasama ini menggambarkan pembentukan modal social dalam kalangan komuniti hasil penglibatan mereka dengan projek CSR perladangan cili kontrak.	Berbeza dengan kajian ini kerana kajian ini menumpukan kepada CSR dalam pengamalan fardhu ain dalam kalangan masyarakat orang asli dan beberapa sumbangan berbentuk kebajikan.
Iman, 2024	Pelaksanaan CSR oleh IKEA ini berdampak besar pada pertumbuhan perusahaan dan dapat meningkatkan reputasi positif di mata masyarakat dunia.	Berbeza dengan kajian ini kerana CSR dalam artikel tersebut dilaksanakan oleh IKEA sebuah syarikat korporat ternama.
Abdur Rohim & Nurseno Dwi Putranto, 2023	CSR yang dilakukan oleh Pertamina dapat meningkatkan pendapatan Masyarakat serta mengurangkan pencemaran sampah dalam masyarakat. Pertamina berjaya melalui CSRnya menukarkan sampah plastik menjadi pelbagai jenis plastik kitar semula dan bermanfaat kepada masyarakat serta berjaya meningkatkan pendapatan masyarakat dengan penjualan semula barangan tersebut.	Berbeza dengan CSR yang dijalankan kerana berbeza matlamat. Matlamat kepada CSR yang dijalankan adalah meningkatkan amalan Islam dalam kalangan masyarakat.
Brigita et al., 2023	Aktiviti CSR ini dapat meningkatkan reputasi PT Kencana Maju Bersama Surabaya di mata masyarakat.	Berbeza daripada sudut matlamat CSR, bagi syarikat korporat CSR adalah untuk meningkatkan reputasi syarikat.
King et al., 2023	Aktiviti CSR Pertamina yang dijalankan memberi manfaat pada kelestarian tenaga elektrik menggunakan tenaga solar di kawasan pedalaman dan terasing Indonesia,	Berbeza daripada sudut manfaat CSR yang dinikmati secara fizikal oleh masyarakat pedalaman Indonesia.

Ida et al., 2024	Kajian menyatakan bahawa terdapat kesan positif dan signifikan di antara kebajikan masyarakat dengan CSR yang dijalankan.	Kesan CSR yang positif dan sama terhadap masyarakat namun dibidang yang berbeza.
------------------	---	--

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik menelusuri dengan mendalam pengalaman, strategi dan pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan Program Destini Iqra' di Kampung Orang Asli Ayer Denak, Batu Gajah, Perak. Kajian kes membolehkan pemahaman menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji dalam konteks sebenar dan mengambil kira faktor budaya, sosial dan agama yang saling berinteraksi dalam pelaksanaan program CSR berasaskan fiqh budaya. Data dikumpulkan melalui tiga kaedah utama, iaitu analisis dokumen, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan. Analisis dokumen dilakukan ke atas bahan-bahan berkaitan pelaksanaan program seperti laporan aktiviti, risalah program, rekod komunikasi dan dokumentasi gambar. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti sejauh mana nilai-nilai fiqh budaya diterapkan secara tersurat dan tersirat dalam struktur serta pengisian program. Temu bual separa berstruktur pula dilaksanakan terhadap tiga orang informan utama yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program. Informan terdiri daripada pensyarah yang menggerakkan program, penggerak masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut serta tokoh masyarakat tempatan. Temu bual ini bertujuan mendapatkan gambaran mendalam mengenai kefahaman mereka terhadap fiqh budaya, cabaran pelaksanaan dakwah dalam komuniti minoriti dan respons masyarakat terhadap pendekatan yang digunakan. Teknik temu bual separa berstruktur membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan mengikut konteks tanpa mengetepikan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Selain itu, pemerhatian lapangan turut dijalankan secara langsung di lokasi program, iaitu Surau al-Hidayah dan kawasan sekitar Kampung Orang Asli Ayer Denak. Pemerhatian ini membolehkan penyelidik memahami interaksi sosial, penerimaan masyarakat, serta suasana sebenar pelaksanaan aktiviti CSR dan dakwah. Kaedah ini juga membantu menyokong dan menyemak silang data yang diperolehi daripada temu bual dan dokumen. Seterusnya, semua data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Data dianalisis dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan elemen fiqh budaya seperti prinsip *tadarruj* (berperingkat), *taysir* (kemudahan), pengiktirafan terhadap *'urf* (adat setempat), serta pendekatan dakwah berhikmah. Kod dan tema yang dikenalpasti kemudiannya disusun dan ditafsirkan untuk menjelaskan kesan dan keberkesanan pendekatan tersebut dalam konteks pelaksanaan CSR Islamik. Bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan, kaedah triangulasi data turut digunakan. Ini dilakukan dengan membuat perbandingan silang antara data daripada pelbagai sumber seperti dokumen, temu bual dan pemerhatian untuk memastikan dapatan adalah konsisten dan sahih. Pendekatan ini juga membantu menghasilkan gambaran yang lebih lengkap dan seimbang terhadap fenomena yang dikaji. Keseluruhannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini bersesuaian dengan sifat kajian lapangan yang memerlukan kefahaman mendalam terhadap konteks sosial, budaya dan agama masyarakat Orang Asli Semai, sekali gus memberikan ruang kepada interpretasi yang teliti terhadap pengaplikasian fiqh budaya dalam pelaksanaan CSR sebagai wasilah dakwah kontemporari.

Jadual 2 Metodologi Kajian

Pendekatan	Kaedah Pengumpulan Data	Kaedah Analisis Data
Kualitatif	- Analisis dokumen	- Analisis Kandungan
	- Temu bual separa berstruktur	- Analisis Tematik
	- Pemerhatian lapangan	- Analisis Tematik

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggabungan elemen fiqh budaya dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui Program Destini Iqra' memberi impak positif dalam meningkatkan penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap dakwah Islam. Pendekatan fiqh budaya yang mengambil kira sensitiviti adat dan kepercayaan masyarakat setempat memainkan peranan penting dalam menjayakan usaha dakwah yang lebih inklusif dan berkesan. Beberapa tema utama yang ditemui dalam kajian ini adalah penglibatan komuniti, penghormatan terhadap adat dan tradisi, serta keberkesanan pendekatan dakwah.

Penglibatan Komuniti dalam Pelaksanaan CSR

Salah satu dapatan utama kajian ini adalah pentingnya penglibatan aktif komuniti dalam setiap peringkat pelaksanaan program CSR. Hal ini selari dengan prinsip *al-'urf* yang menyatakan bahawa adat dan tradisi yang tidak bercanggah dengan syariat boleh diterima dan digunakan sebagai asas dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program. Temu bual dengan penggerak masyarakat dan pensyarah yang terlibat dalam Destini Iqra' mendapati bahawa sokongan komuniti setempat adalah kunci kejayaan program ini. Penglibatan komuniti dalam merancang aktiviti-aktiviti seperti kelas pengajian Iqra', gotong-royong, dan program kebajikan menunjukkan bahawa masyarakat tidak hanya menerima, tetapi juga turut memberi sumbangan tenaga dan idea untuk mempertingkatkan keberkesanan program.

Penglibatan ini juga memperlihatkan bahawa program CSR yang dilaksanakan secara berperingkat dan berhikmah mampu memberi kesan yang lebih mendalam dan berkesan berbanding pendekatan yang lebih mendesak atau menekan. Kaedah *tadarruj* (berperingkat) yang diterapkan dalam program ini memastikan bahawa proses dakwah dan pendidikan agama dapat diterima oleh masyarakat dalam bentuk yang lebih lembut dan tidak terlalu membebankan mereka. Dengan kaedah ini, setiap aktiviti dilakukan secara berperingkat, bermula dengan pengajaran asas seperti bacaan Iqra' dan solat fardu, dan seterusnya memperkenalkan nilai-nilai Islam yang lebih mendalam.

Penghormatan terhadap Adat dan Tradisi Setempat

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penghormatan terhadap adat dan tradisi setempat adalah faktor penting dalam memastikan keberkesanan program CSR dalam komuniti Orang Asli. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah *'urf*, adat yang tidak bertentangan dengan prinsip syariat Islam harus dihormati dan dijadikan sebahagian daripada pendekatan dakwah. Dalam konteks Program Destini Iqra', penggerak program memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan mengambil kira sensitiviti budaya masyarakat Orang Asli Semai. Sebagai contoh dalam sesi-sesi pembelajaran agama, kaedah pengajaran yang digunakan tidak bertentangan dengan amalan budaya tempatan, tetapi digabungkan dengan elemen-elemen yang relevan bagi memudahkan pemahaman masyarakat. Selain itu, pendapat dan pandangan pemimpin masyarakat tempatan seperti Tok Batin, Ketua Kampung Masyarakat Islam, Penggerak Masyarakat Orang Asli dan Mubaligh turut dihargai dan dijadikan rujukan dalam merancang aktiviti program. Hal ini memberikan impak positif terhadap penerimaan

masyarakat kerana mereka merasa dihormati dan dihargai, serta tidak merasa bahawa nilai-nilai budaya mereka dilupakan atau diabaikan dalam proses dakwah.

Keberkesanan Pendekatan Dakwah

Keberkesanan pendekatan dakwah yang diterapkan dalam Program Destini Iqra' sangat bergantung kepada dua elemen utama: prinsip *taysir* (kemudahan) dan pendekatan berhikmah. Konsep *taysir* yang merujuk kepada kemudahan dan kelonggaran dalam pelaksanaan hukum Islam sangat sesuai diterapkan dalam masyarakat Orang Asli yang mempunyai cara hidup dan kepercayaan tersendiri. Pendekatan ini memudahkan penerimaan Islam tanpa merasa terbeban dengan keperluan-keperluan yang mungkin dianggap asing atau terlalu sukar untuk diamalkan pada peringkat awal. Sebagai contoh, pengajaran solat dan zakat dilakukan secara berperingkat, bermula dengan asas dan ditambah dengan pengetahuan lebih mendalam apabila masyarakat telah menunjukkan kefahaman yang lebih baik. Pendekatan dakwah yang berhikmah pula selari dengan ajaran Rasulullah SAW yang menyeru umat Islam untuk menyebarkan ilmu dan dakwah dengan cara yang penuh hikmah dan bijaksana. Dalam kajian ini, dakwah tidak hanya melalui ceramah atau pengajaran formal, tetapi juga melalui pendekatan contoh yang ditunjukkan oleh para sukarelawan dan penggerak program yang sentiasa menjaga akhlak dan sifat terpuji dalam berinteraksi dengan masyarakat setempat. Ini menjadikan program Destini Iqra' bukan sekadar satu aktiviti pendidikan, tetapi juga satu proses dakwah yang menjadikan nilai-nilai Islam lebih mudah diterima oleh masyarakat.

Impak terhadap Penerimaan Masyarakat

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penerimaan masyarakat terhadap Program Destini Iqra' sangat positif terutamanya apabila elemen fiqh budaya diterapkan dengan berkesan. Komuniti Orang Asli Semai di Kampung Ayer Denak semakin terbuka terhadap nilai-nilai Islam yang diperkenalkan, dan mereka merasa lebih terhubung dengan agama melalui pendekatan yang menghormati budaya mereka. Keberkesanan program ini juga dapat dilihat melalui peningkatan minat masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti keagamaan dan sosial yang dianjurkan oleh pihak penggerak program.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa pelaksanaan CSR yang berasaskan fiqh budaya merupakan satu pendekatan dakwah yang relevan, inklusif dan strategik dalam konteks masyarakat berbilang latar budaya seperti komuniti Orang Asli Semai di KOA Ayer Denak, Batu Gajah. Melalui pengaplikasian prinsip fiqh seperti *tadarruj*, *taysir* dan pengiktirafan terhadap *'urf*, Program Destini Iqra' telah berjaya mewujudkan satu ruang pertemuan antara ajaran Islam yang syumul dengan realiti budaya masyarakat tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penerimaan terhadap ajaran Islam, malah membina keyakinan dan kepercayaan antara komuniti sasaran dan pelaksana program. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa dakwah yang kontekstual, tidak memaksa, serta meraikan hikmah budaya mampu menghasilkan impak yang lebih mendalam dan berpanjangan. Penglibatan aktif masyarakat, penggunaan bahasa tempatan dan integrasi elemen pembangunan rohani serta kebajikan sosial menjadikan CSR ini bukan sekadar program bantuan, tetapi sebuah model pembangunan dakwah bersepadu yang menghormati nilai kemanusiaan dan keunikan budaya.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan beberapa perkara utama. Pertama, pendekatan fiqh budaya wajar dijadikan model rujukan dalam merancang program dakwah dan CSR Islamik di kawasan yang mempunyai kepelbagaian budaya dan tahap kefahaman agama yang berbeza. Pihak institusi Islam dan NGO digesa untuk membangunkan modul latihan dan

garis panduan pelaksanaan fiqh budaya dalam kalangan pendakwah, guru dan sukarelawan. Kedua, penggubalan dasar pembangunan komuniti Islam minoriti di Malaysia wajar mengambil kira pendekatan yang lebih anjal dan berbentuk libat sama. Pendekatan ini lebih berkesan dalam membina rasa kebersamaan, mengurangkan jurang kefahaman agama, serta mencegah penolakan budaya yang sering berlaku dalam program bersifat 'top-down'. Akhir sekali, kajian lanjutan disarankan untuk membina satu model konseptual fiqh budaya dalam CSR Islamik secara lebih menyeluruh, meliputi indikator keberkesanan, tahap penerimaan dan kesan jangka panjang terhadap perubahan gaya hidup serta penghayatan agama dalam kalangan masyarakat sasaran.

Rujukan

Jurnal

- Rohim, A. & Putranto, N. D. (2023). Perlis Cinta Lingkungan; Program Peningkatan Ekonomi Masyarakat dan Kualitas Lingkungan Desa Perlis. *Jurnal Pengabdian Masyarakat* 2(1), 64-72.
- Bakar, M. A. (2025). Strategi pemimpin dalam mengembangkan pendidikan melalui Gerakan Dakwah Inklusif. *Teaching and Learning Journal of Mandalika (Teacher)*, 6(1), 237-247.
- Eka, B. A., Pradana, B. C. S. A. & Rizqi, M. (2023). Analisis implementasi Corporate Social Responsibility untuk meningkatkan reputasi perusahaan (Studi Pada Pt. Kencana Maju Bersama Surabaya). *Jurnal Sintesa* 2 (2), 1-17.
- Dwijatenaya, I. B. M. A., Ain, Palinggi, Y., Musmuliadi, Narulita, S. & Wijayanti, S. K. (2024), Improving community welfare through the implementation of Corporate Social Responsibility. *International Journal of Professional Business Review* 9(4), 1-19.
- Fadchurrozi, I. (2024). Pelaksanaan Corporate Social Responsibility (Csr) Perusahaan Global Ikea: Analisis pendekatan Piramida Carroll. *Indonesian Journal of International Relations* 8 (1), 1-23.
- Shodikin, K. A. H. A., Nugroho, A. A. D. & Rahmawati, P. (2023), Solusi Energi Berkelanjutan untuk Daerah Terisolir: Studi kasus Program CSR PT Pertamina International Refinery RU IV Cilacap. *Indonesian Journal of Innovation Studies* 23(1), 1-15.
- Hassan, P., Ramli, M. A., Salleh, M. Y. Y., Abidin, M. Z. H. Z., Razak, M. I. A., Noh, A. M. M. & Shahrom, S. P. (2024, October). Interaction of Prophet Muhammad SAW with isolated communities and its relevance to Indigenous Peoples. In *Proceeding of International Conference on Science and Technology* (Vol. 2, No. 1, pp. 57-62).
- Sarmila, M.S, Zaimah, R., Novel, L., Azima A.M., Suhana Saad & Rosniza Aznie Che Rose, (2015). Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pembangunan modal sosial komuniti: Kajian kes projek CSR perladangan cili kontrak. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11(7), 104 – 115.
- Tarigan, Syahputra, H., & Manurung, A. A. (2025). Peran Corporate Social Responsibility dalam tanggungjawab lingkungan di Indonesia. *Journal Of Science And Social Research*, 8(2), 1334-1338.
- Tuo, H., Mahiraini, N., Wahyusardi, A., & Adnan, F. A. (2025). Analisis Fatwa Terkait Tanggung Jawab Sosial Perusahaan Corporate Social Responsibility (CSR) Syariah. *Journal of Religion and Social Community*, 1(3), 123-127.
- Umma, P. S., & Hudaidah, H. (2025). Menggali kearifan lokal melalui tradisi melewang 10 Muharram: Warisan budaya Islam di Desa Karang Raja. *SOSIAL: Jurnal Ilmiah Pendidikan IPS*, 3(2), 106-114.
- Yusuf Al-Qardhawi. (1991). *Madkhal Li Dirasah Asy-Syariah Al-Islamiah*. Maktabah Wahbah.

Temubual

Informan 1. (2024). Penerimaan Masyarakat terhadap Program Destini Iqra' Masyarakat Semai.

Temubual. 22 Mac 2024. KOA Ayer Denak, Batu Gajah Perak.

Informan 2. (2024). Penerimaan Masyarakat terhadap Program Destini Iqra' Masyarakat Semai.

Temubual. 22 Mac 2024. KOA Ayer Denak, Batu Gajah Perak.

Informan 3. (2024). Penerimaan Masyarakat terhadap Program Destini Iqra' Masyarakat Semai.

Temubual. 22 Mac 2024. KOA Ayer Denak, Batu Gajah Perak.